

## **Nilai Ringgit dan Persepsi Negatif yang Tidak Berasas**

**oleh Dr Shankaran Nambiar**

**Fello Penyelidik Kanan**

**Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)<sup>1</sup>**

Nilai ringgit mencatat paras terendah dalam tempoh sembilan tahun di dalam pertengahan Mac, 2015 pada kadar RM3.72 berbanding dollar Amerika (AS). Namun pada minggu berikutnya ringgit ditutup tinggi berbanding dolar AS kerana susulan belian menampung kekurangan dan pembetulan teknikal.

Beberapa faktor menyebabkan kenaikan nilai ringgit selepas ia merosot untuk beberapa minggu yang lalu. Salah satu faktor adalah kerana penyusutan dollar AS selepas bank pusat AS (Federal Reserve) memberi petunjuk ia tidak akan menaikkan kadar faedah. Justeru, tiada insentif untuk pelabur jangka pendek atau portfolio melabur di pasaran AS. Maka permintaan untuk dollar menurun.

Ada sesetengah pendapat mengaitkan pemulihan ringgit dengan campurtangan Bank Negara Malaysia (BNM) di dalam pasaran. Tetapi pada pendapat saya ianya disebabkan faktor-faktor pasaran dan bukan kerana campurtangan BNM. Ini kerana ringgit juga di tutup tinggi berbanding dengan lain-lain matawang utama dunia kecuali euro.

Ada juga penganalisa yang bimbang ringgit akan merosot kepada paras sekitar RM4.00 berbanding dollar sebelum September 2015. Namun ini satu ramalan yang agak pesimistik yang hanya mengaitkan dengan faktor kenaikan kadar faedah serta pengukuhan dollar AS. Kemungkinan penurunan gred oleh Fitch and Moody's turut dikaitkan dengan kelemahan ringgit. Faktor-faktor ini mungkin menyebabkan nilai ringgit akan menurun, namun ianya adalah suatu fenomena jangka pendek yang berdasarkan sentimen. Asas ekonomi Malaysia yang kukuh beserta langkah-

---

<sup>1</sup> Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

langkah transformasi ekonomi oleh kerajaan dijangka mampu mengekalkan nilai ringgit pada arah aliran jangka panjang.

Sesetengah pihak juga mengaitkan nilai ringgit diniagakan lebih rendah berikutan isu One Malaysia Development Bhd (1MDB). Namun demikian, pendapat ini tidak mempunyai asas yang kukuh. Seperti yang ditegaskan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah isu 1MDB tidak boleh mempengaruhi risiko untuk sistem kewangan seluruh Negara. Ianya hanya melibatkan satu syarikat. Malahan 1MDB sudah pun melalui proses penstrukturan semula.

Penguatan asas ekonomi negara melalui peningkatan kapasiti dan kecekapan adalah merupakan faktor utama untuk mengukuhkan nilai ringgit untuk jangka panjang, mengatasi segala sentimen jangka pendek. Langkah kerajaan mewujudkan suatu struktur ekonomi yang berdaya saing dan mengekalkan struktur kewangan yang kukuh seperti yang ditegaskan oleh Datuk Seri Abdul Wahid Omar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, adalah dialu-alukan. Prospek ekonomi Malaysia yang masih dilihat kekal kukuh dijangka mampu menangani unjuran negatif agensi penarafan antarabangsa seperti Fitch Ratings.

Ada juga penganalisa yang berpandangan bahawa ada kemungkinan berulangnya kejatuhan ekonomi negara seperti pada tahun 1997 yang turut menjatuhkan nilai ringgit. Pandangan ini tidak berasas memandangkan situasi ketika itu berbeza dengan yang berlaku waktu ini.

Struktur ekonomi Malaysia pada masa ini adalah lebih kukuh. Selain daripada itu rizab negara pada 1997 adalah sebanyak RM99 bilion berbanding RM405 bilion pada tahun lalu dan pendapatan negara pula menyaksikan peningkatan ketara dari RM56 bilion kepada RM220 bilion dalam tempoh sama.

Satu lagi faktor yang kita perlu ingat adalah struktur eksport Malaysia pada masa kini adalah lebih luas. Walaupun eksport minyak sawit dan getah lembab, dan harga minyak telah turun, Malaysia masih merupakan salah sebuah negara pengeksport besar elektrik and elektronik di dunia, di samping lain-lain barangan pembuatan.

Kehilangan pendapatan daripada eksport minyak mampu atasi dengan perolehan yang lebih tinggi daripada sektor pembuatan, terutamanya elektrik dan elektronik.

Disamping itu, kejatuhan nilai ringgit mengakibatkan eksport kita lebih berdaya saing kerana barangan Malaysia lebih murah untuk negara-negara pengimport. Ini akan meningkatkan permintaan. Begitu juga industri pelancongan negara turut menerima manfaat dari kejatuhan nilai ringgit.

Namun demikian, terdapat industri yang memerlukan input perantaraan yang di import, seperti industri elektrik dan elektronik. Input perantaraan yang di import ini menjadi lebih mahal dengan kejatuhan nilai ringgit. Walau bagaimanapun, peningkatan eksport disebabkan penyusutan nilai ringgit mampu menstabilkanimbangan perdagangan keseluruhan. Peningkatan nilai import di stabilkan oleh peningkatan nilai eksport. Bagi industri berasaskan sumber seperti kelapa sawit yang tidak memerlukan banyak input perantaraan,imbangan perdagangannya menjadi positif dengan penyusutan nilai ringgit.

Secara keseluruhannya,imbangan perdagangan negara dijangka meningkat kesan dari penurunan ringgit. Terdapat industri yangimbangan perdagangannya tidak berubah walaupun dengan peningkatan nilai eksport kerana input perantaraannya di import, namun ada industri yang mengalami kesan positif hasil dari peningkatan eksport.

Secara ringkas, ia boleh dikatakan bahawa penurunan nilai ringgit adalah fenomena jangka pendek. Walaupun terdapat persepsi negatif, namun ianya tidak akan menjejaskan ekonomi dalam jangka masa panjang kerana asas-asas ekonomi negara yang kukuh, eksport yang dipelbagaikan dan rizab antarabangsa yang tinggi. Selain daripada itu, tidak semua industri terjejas oleh kejatuhan nilai ringgit malahan lebih banyak industri akan mendapat manfaat, seperti industri pelancongan.